

510:  
MAHATHIR

1976

KUALA LUMPUR, 20 MAC (BERNAMA)-- KEMENTERIAN PELAJARAN BERHASRAT MENJADIKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI PUSAT UTAMA TERSEMPANNYA BAHAN-BAHAN DALAM BAHASA MELAYU BAGI SELURUH NUSANTARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED KETIKA MENGUMUMKAN DEMIKIAN MENYERU PERPUSTAKAAN-PERPUSTAKAAN KHASNYA PERPUSTAKAAN NEGARA BERUSAHA LEBIH KUAT LAGI BAGI MEMPEROLEHI KOLEKSI LENGKAP DALAM BIDANG KESUSASTERAAN DAN KEBUDAYAAN MELAYU DI NUSANTARA INI.

BERUCAP PERASMIKAN SEMINAR DOKUMENTASI KESUSASTERAAN MALAYSIA DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BELIAU MENEGASKAN DENGAN KEJAYAAN DALAM USAHA INI, MAKA TIDAK PAYAH LAGI PARA PENYELIDIK NEGARA INI PERGI KE CORNELL ATAU LEIDEN UNTUK MENGAJI KEBUDAYAAN SENDIRI.

+SAYA PERCAYA DENGAN KERJASAMA ANTARA PARA PUSTAKAWAN DAN PENULIS, CITA-CITA INI AKAN TERCAPAI, + TEGASNYA.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA PERPUSTAKAAN-PERPUSTAKAAN DI NEGARA INI SEKARANG MASIH KURANG DENGAN BAHAN-BAHAN DALAM BAHASA MALAYSIA.

ALASAN YANG DIBERIKAN IALAH KERANA TERBITAN-TERBITAN DALAM BAHASA MALAYSIA MASIH BERKURANGAN DAN INI MEMANG BENAR, TEGASNYA.  
-- BERSAMBUNG 1131/MD

511:  
MAHATHIR2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERHARAP PARA PENULIS AKAN MEMBERIKAN SUMBANGAN MEREKA DENGAN MENGHASILKAN LEBIH BANYAK BUKU LAGI DALAM BERBAGAI BIDANG DAN TIDAK TERHAD KEPADA BUKU-BUKU TEKS ATAU BUKU-BUKU DALAM BIDANG SASTRA SAJA.

MENGENAI BAHAN BACAAN BAGI KESUSASTERAAN KEBANGSAAN, DR. MAHATHIR MENGAKUI BAHAWA BILANGANNYA MASIH AMAT KECIL.

SELAIN DARI MAJALLAH DEWAN SASTRA TERBITAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA YANG MENUMPUKAN PERHATIAN PENUH TERHADAP KARYA-KARYA SASTERA, SURATKHBAR TEMPATAN JUGA HANYA MEMBERIKAN RUANGAN KECIL BAGI ARYA TERSEBUT.

+OLEH ITU KERAP TERDENGAR RUNGUTAN TENTANG PILIH KASIH DAN BERBAGAI SUNGUTAN LAIN DI KALANGAN PARA PENULIS MUDA YANG KARYA MEREKA TIDAK DISIARKAN, + TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR MENGESYURKAN SUPAYA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA MENIMBANG KEMUNGKINAN MENERBITKAN SEBUAH LAGI MAJALLAH SASTRA.

DISAMPING ITU INSTITUT BAHASA, KEBUDAYAAN DAN KESUSASTERAAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MUNGKIN DAPAT MEMIKIR DAN MENIMBANG MASALAH KEKURANGAN MAJALLAH DI ALAM SASTRA. --BERSAMBUNG 1136/MD

512:  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MEMUJI GAPENA DAN PERSATUAN PERPUSTAKAAN MALAYSIA (PPM) ATAS INISIATIF MEREKA MENGANJURKAN SEMINAR UNTUK MEMBINCANGKAN MASALAH-MASALAH DALAM PENGAJIAN KESUSASTERAAN DI NEGARA INI KHUSUSNYA SASTRA KEBANGSAAN.

BELIAU JUGA MEMUJI PPM ATAS USAHA-USAHANYA MEMPERBAIKI KEDUKAN PARA PUSTAKAAN DAN PERPUSTAKAAN NEGARA INI SERTA BERJAYA MENYEMAIKAN SEMANGAT GEMAR MEMBACA DI KALANGAN RAKYAT.

BELIAU MEMBERITAHU KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH MENERIMA SATU MEMORANDAM DARI PPM TIDAK LAMA DULU BAGI PENUBUHAN SEBUAH SEKOLAH PERPUSTAKAAN BAGI IJAZAH LANJUTAN.

+MALANGNYA OLEH KERANA KEWANGAN TIDAK MENGIZINKAN DAN KEUTAMAAN TERPAKSA DITENTUKAN, MAKA PUSAT INI BELUM DAPAT DITUBUHKAN, + TEGASNYA. --BERNAMA 1141/MD